

## Strategi Persediaan Kertas 2 Bahasa Melayu Peringkat N (1197/2)

### 1. Bahagian A

#### 1.1 Soalan A1: Imbuhan

- Baca dan fahami petikan teks yang diberi sebelum memberikan imbuhan yang sesuai pada kata dasar (lima patah perkataan) yang digariskan.
- Imbuhan yang diuji adalah imbuhan-imbuhan seperti berikut:

*Imbuhan Awalan*

*Imbuhan Akhiran*

*Imbuhan Apitan*

- Kenal pasti bentuk-bentuk imbuhan dengan golongan kata.  
CONTOH:

KATA NAMA	KATA KERJA	TAMBAHAN
<b>Awalan:</b> ke- peN- peR-  <b>Apitan:</b> ke-...-an peN-...-an pe-...-an peR-...-an  <b>Akhiran:</b> -an	<b>Awalan:</b> ber- meN- teR- di- memper-  <b>Apitan:</b> ber-...-an di-...-kan me-...-i meN-...- kan ber-...-kan  <b>Akhiran:</b> -i -kan	<b>Awalan:</b> se-  Fungsi: -satu (sebuah, sebiji dsb) -sama (sepadan, setaraf dsb) -sama-sama (serumah, sederet dsb) -seluruh (sedunia, sejagat dsb) -perbandingan yang serupa (sebesar, secantik dsb) -masa/waktu (selepas, selama dsb)

CONTOH TAMBAHAN UNTUK KATA KERJA:

<b>Kata Kerja Aktif Transitif</b> <b>(memerlukan objek)</b>	<b>Kata Kerja Aktif Tidak Transitif</b> <b>(tidak memerlukan objek)</b>	<b>Kata Kerja Pasif</b>
➤ meN- ➤ meN-...-kan ➤ meN-...-i	➤ beR-	➤ di- ➤ di-...-kan ➤ di-...-i

## 1.2 Soalan A2: Peribahasa

- Pastikan kamu belajar kesemua peribahasa dalam senarai


### Cara-cara Belajar Peribahasa:

- Hafal peribahasa

### ATAU

- Kenal pasti SIMBOL (objek, perbuatan, adjektif) dalam Peribahasa dan pastikan Simbol ini ada kaitan dengan maksud peribahasa

CONTOH PERIBAHASA: ada gula adalah semut

SIMBOL PERIBAHASA		MAKNA PERIBAHASA
ada gula	kaitan simbol dengan makna 	di mana ada rezki
adalah semut		di situlah ramai orang

### ATAU

- Fahami konteks dan penggunaan peribahasa melalui **D-H-L**

CONTOH PERIBAHASA : seperti anak ayam kehilangan ibu

<b>D</b> Definisi Peribahasa	Ibu ayam akan menjaga anak-anaknya selama anak-anak ayam itu dalam tempoh pembesaran. Jika diperhatikan, anak-anak ayam ini akan kehilangan dan tidak tentu arah jika ia terlepas daripada ibunya.
<b>H</b> Huraian kepada Peribahasa	Gambaran yang menunjukkan keadaan sekumpulan orang yang tidak tentu arah atau berpecah-pecah akibat kehilangan pemimpin atau tempat tumpuan dan pengharapan
<b>L</b> Latar Peribahasa (Rasional)	Tidak dapat dinafikan bahawa dalam membuat sesuatu pekerjaan secara berkumpulan, seorang pemimpin memainkan peranan yang penting untuk memastikan kerja diselesaikan dengan sempurna. Jika pemimpin itu tiba-tiba tiada, gerakan kumpulan akan menjadi huru-hara seketika kerana anggotanya akan rasa kehilangan dan tidak tahu apa yang perlu seterusnya dilakukan. Kaitan dengan peribahasa → bila diperhatikan, anak-anak ayam yang kehilangan ibu akan menunjukkan keadaan yang huru hara dan hilang arah tujuan.

### 1.3 Soalan A3: Isi Tempat Kosong

- Baca perkataan-perkataan yang diberikan bagi mengisikan tempat-tempat kosong. Fahami makna perkataan-perkataan tersebut.
- Baca petikan dengan teliti. Fahami konteks petikan.
- Baca sekali lagi sambil memilih perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong.

## 2 Bahagian B – Kefahaman Objektif / Grafik

- Baca soalan-soalan yang diberikan. Serlahkan kata kunci dalam soalan.
- Baca petikan dengan teliti dan fahamkan konteks serta isi petikan. Cari kata kunci yang telah kamu serlahkan dalam soalan di dalam petikan teks.
- Baca soalan-soalan serta pendaya-pendaya yang diberikan.
- Baca petikan sekali lagi. Kaitkan fakta-fakta di dalam teks dengan kehendak soalan.

## Bahagian C – Kefahaman Respons Bebas

**DUA** perkara yang perlu kamu tahu:

- **Teknik Memahami Petikan**
- **Tip-Tip Kefahaman**

### 1) Teknik #ASTJ (#AyatTeksSoalanJawapan) untuk memahami petikan dengan berkesan dan mencari jawapan.

- a) Baca **Ayat** pertama dan **Ayat** terakhir perenggan
  - Baca Ayat pertama dan ayat terakhir setiap perenggan untuk mengetahui secara sekilas tentang cerita yang kamu baca.
  - Tandakan kata-kata kunci dalam ayat yang kamu baca.
  - Apakah soalan-soalan yang bermain di fikiran kamu semasa kamu membaca ayat-ayat tersebut?
- b) Baca **Teks**
  - Baca keseluruhan petikan teks.
  - Adakah cerita yang kamu baca menjawab soalan2 yang bermain di fikiran kamu?
  - Buat anotasi atau catatan untuk setiap perenggan yang kamu baca.
- c) Baca **Soalan**
  - Baca soalan dengan teliti.
  - Kenal pasti Subjek dan serlahkan kata kunci dalam soalan.

- d) Cari Jawapan  
-Berdasarkan (a) – (c) Carilah jawapan kamu dari petikan!

## 2) Tip-Tip Kefahaman

- a) Bagi soalan yang meminta **bukti** atau **contoh**, pastikan bukti atau contoh yang kamu berikan **sepadan** atau **sesuai** dengan pernyataan yang diberikan.

- b) Untuk soalan Kefahaman Respons Bebas yang perlu diberikan bukti-bukti;

### Contoh soalan:

Amirun usahawan yang bijak dan berdedikasi. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini.

#### Cara untuk menjawab soalan ini:

- Amirun usahawan yang bijak (cari 1 bukti) dan berdedikasi (cari bukti kedua).
- Elakkan daripada menulis / melabel seperti ini: Bukti pertama... Bukti kedua...
- Mulakan jawapan kamu seperti ini: Bukti-buktinya ialah... Selain itu, ...

Contoh:

Bukti-buktinya ialah Amirun .... (Bukti Pertama). Selain itu, ....(Bukti Kedua)

- c) Bagi soalan 27 – 28;
- Cari perkataan di dalam perenggan
  - Baca ayat sebelum dan selepas juga untuk memahami perkataan kosa kata
  - Terangkan maksud mengikut konteks petikan
  - Pastikan juga kamu tidak gunakan perkataan yang sama untuk menerangkan kosa kata
  - Pastikan kamu berikan jawapan dari golongan kata yang sama

SELESAI